

28/01/1999

Pelbagai pihak sambut baik penurunan kadar tol

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelbagai pihak menyambut baik keputusan kerajaan menurunkan kadar tol Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) kepada RM1 bagi mengurangkan bebanan orang ramai.

Majlis Belia Malaysia (MBM) ketika mengalu-alukan keputusan berkenaan bagaimanapun meminta supaya kadar itu dikurangkan lagi kepada 50 sen, berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bandar MBM, Norizan Sharif, berkata keprihatinan kerajaan terhadap permintaan rakyat amat dihargai, tetapi kadar tol masih tinggi.

"Pengorbanan rakyat menyumbang kepada Dana Khas Kerajaan dan kempen belanja berhemat ketika krisis ekonomi wajar dikenang dan tidak salah jika pemegang konsesi lebuhraya turut berkorban dengan mengurangkan tol.

"LDP sebagai lebuhraya bandar akan menyukarkan penduduk di sepanjang laluan itu yang terpaksa membayar tol setiap kali berulang alik ke rumah dan secara keseluruhan kos yang ditanggung oleh penduduk terlalu tinggi," katanya.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kadar tol itu diturunkan mulai selepas Tahun Baru Cina ini.

Kabinet juga memutuskan kadar tol untuk laluan Lebuhraya Utara Selatan akan dinaikkan kepada 11.24 sen untuk setiap kilometer berbanding kadar semasa sebanyak 10.50 sen sekilometer.

Norizan berkata, kadar laluan Lebuhraya Utara Selatan pula tidak wajar dinaikkan kerana kemampuan pengguna kini terhad berikutan kemelut ekonomi yang memaksa ramai diberhentikan selain pengurangan gaji pekerja.

Selain itu, MBM turut menggesa kerajaan mempercepatkan pembinaan laluan alternatif manakala kutipan kadar tol baru pula diminta dipertimbangkan semula untuk dikuatkuasa serta merta bagi mengurangkan beban pengguna.

Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) menyifatkan langkah pengurangan kadar tol itu akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

"Tindakan demokratik ini akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional," kata parti itu dalam satu kenyataan hari ini.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Prof Datuk Hamdan Adnan, pula menyifatkan kadar tol itu masih tidak munasabah, selain tidak selaras dengan perkhidmatan disediakan.

Menurutnya, alasan peningkatan kos pembinaan memaksa kutipan tol yang mahal tidak boleh diterima akal kerana kadar trafik turut tinggi.

"Mustahil pemegang konsesi rugi memandangkan laluan trafik di Lembah Klang selalu sibuk dan secara purata terdapat satu plaza tol untuk setiap 10 kilometer dan kadar kutipan adalah terlalu tinggi.

"Kerajaan meminta masyarakat berkorban dengan merelakan potongan dan pembekuan gaji ketika zaman kegawatan tetapi komitmen rakyat tidak berbaloi jika kos penggunaan kemudahan asas seperti lebuhraya terus dinaikkan," katanya.

"Dalam keadaan sekarang, kadar tol yang sesuai untuk Lembah Klang perlu dikekalkan pada 50 sen manakala laluan Lebuhraya Utara Selatan kadar tol tidak perlu dinaikkan," katanya.

(END)